

Menjadikan pertanian sebagai perniagaan

| Oleh LAUPA JUNUS

DUA komponen penting yang menjadi penggerak kepada transformasi pertanian pada masa akan datang ialah penggunaan jentera dan teknologi dan pewujudan projek berimpak tinggi (HIP) yang dirancang dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Selain faktor modal, dua faktor ini penting supaya bakal pengusaha pertanian dapat membuat anjakan minda sebelum menceburi bidang tersebut atau dengan kata mudahnya, mereka mesti mempunyai ilmu dalam bidang yang ingin diceburi.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang diberi tanggungjawab oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk memperkenalkan pertanian baru kepada bakal pengusaha, berjaya membuktikan bahawa slogan yang diperkenalkannya iaitu Pertanian Adalah Perniagaan mula difahami rakyat negara ini.

Apatah lagi dengan pengenalan projek HIP iaitu Pusat Fidlot Nasional (NFC), Zon Industri Akuakultur (ZIA), Ladang Kontrak Taman



KEMENTERIAN Pertanian dan Industri Asas Tani memberi penekanan kepada penggunaan jentera moden selaras dengan matlamat transformasi pertanian.

(ZIA), Ladang Kontrak, Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dan Pembangunan Usahawan Asas Tani, semuanya menjurus kepada usaha mencapai apa yang dimaksudkan dengan slogan tersebut.

Beliau menegaskan bahawa, pertanian era baru yang dihasratkan oleh Perdana Menteri itu mestilah bercirikan moden dan komersial, berteknologi tinggi, penggunaan bioteknologi dan teknologi maklumat serta melahirkan usahawan dan produk berkualiti untuk pasaran eksport.

Apatah lagi agenda pertanian negara kini menetapkan bahawa pertanian sebagai enjin ketiga pertumbuhan ekonomi selain pembuatan dan perkhidmatan dan mengurangkan defisit dalam imbalan dagangan (BOT) yang pada akhirnya menekankan kepada produk yang

Selaras dengan peningkatan pengeluaran, nilai pengeluaran tanaman makanan negara turut meningkat iaitu daripada RM4.63 bilion pada tahun 2005 kepada RM4.97 bilion pada tahun 2006.

dihasilkan dapat dieksport.

Usaha beliau tersebut sudah menampakkan sinarnya dan terbukti daripada peningkatan pencapaian terutama dalam subsektor berkenaan ialah agro makanan dan program melahirkan tenaga mahir.

Muhyiddin menjelaskan, berdasarkan Laporan Tahunan 2006 Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, subsektor agro makanan meningkat sebanyak 4.6 peratus

pada tahun 2006 berbanding tahun sebelumnya.

Beliau berkata pada tahun 2006, jumlah pengeluaran tanaman makanan mencecah 4.17 juta tan metrik manakala pada tahun 2005, jumlahnya adalah 4.01 tan metrik.

“Selaras dengan peningkatan pengeluaran, nilai pengeluaran tanaman makanan negara turut meningkat iaitu daripada RM4.63 bilion pada tahun 2005 kepada

RM4.97 bilion pada tahun 2006,” ujarnya.

Kata beliau lagi, pengeluaran perikanan juga menunjukkan peningkatan iaitu daripada 1.4 juta tan metrik pada tahun 2005 kepada 1.5 juta tan metrik pada tahun 2006.

Katanya, industri ternakan turut berkembang sebanyak 5.2 peratus pada tahun 2006 berbanding 4.7 peratus pada tahun sebelumnya manakala peningkatan pengeluaran di ladang juga meningkat iaitu daripada RM7.62 bilion pada tahun 2005 kepada RM8.3 bilion pada tahun 2006.

Meskipun demikian, kementeriannya masih banyak agenda penting untuk dilakukan supaya pengusaha bukan sahaja mampu mengubah taraf ekonomi mereka tetapi bergerak seiring dengan hasrat untuk memacu pertanian ke tahap global.

**MUHYIDDIN
YASIN**

Menteri
pertanian dan
Industri Asas
Tani